

INOVASI PRODUK WAKAF KONTEMPORARI; PENGALAMAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Dr. Mohd Ali bin Muhamad Don¹

Dr. Mohd Rilizam bin Rosli²

Dr. Mohd Shukri bin Mohd Senin³

Mohd Farhan bin Ahmad⁴

Dr. Mas Nooraini Mohiddin⁵

Dr. Cecep Soleh Kurniawan⁶

Dr. Kamaru Salam Yusof⁷

Abstrak

Wakaf di Malaysia telah bermula seiring dengan kemasukan Islam ke Tanah Melayu. Pengurusannya terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai Pemegang Amanah Tunggal wakaf. Selaku *sole-trustee*, MAIN telah memperkenalkan pelbagai inovasi agar wakaf kekal relevan sebagai sektor ekonomi kebajikan untuk kemajuan ummah sejagat. Berdasarkan kepada kajian lapangan dan temu bual bersama pihak MAIWP didapati pelbagai inovasi produk wakaf kontemporari seperti wakaf korporat dan wakaf saham untuk manfaat keagamaan, pendidikan, sosial dan kesihatan telah diwujudkan. Antaranya ialah Wakaf Korporat FELDA, di mana FELDA sebagai Syarikat Berkaitan Kerajaan di beri kuasa untuk mengurus, mengutip dan mengagihkan manfaat wakaf di samping memelihara dan mengembangkan dana wakaf. Sejak dilancarkan pada tahun 2021, sejumlah hampir RM30 juta dana wakaf telah berjaya dikumpulkan dan diagihkan. Justeru dalam kertas ini penyelidik melaporkan sebahagian daripada dapatan temu bual bersama pihak MAIWP untuk rujukan para pengkaji dan penyelidik wakaf. Dapatan ini dilaporkan secara bertulis menggunakan gambarajah, jadual dan diperkuuhkan dengan sumber literatur dan dibincangkan secara kritis untuk

¹ E-mail: mohda264@uitm.edu.my.

² E-mail: rilizam@uitm.edu.my.

³ E-mail: shukrisenin@uitm.edu.my.

⁴ E-mail: mohdf389@uitm.edu.my.

⁵ E-mail: masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn.

⁶ E-mail: soleh.kurniawan@unissa.edu.bn.

⁷ E-mail: kamaru.yusof@unissa.edu.bn / drkyusof@gmail.com.

pengetahuan pembaca. Dengan kejayaan memperkenalkan pelbagai inovasi wakaf selayaknya MAIWP menjadi model dan inspirasi bagi pengurus wakaf untuk terlibat secara konsisten dalam menghasilkan produk wakaf kontemporari yang dapat memberikan dampak positif bagi masyarakat dan negara. Ini bagi memastikan peranan wakaf yang signifikan dalam menyokong pembangunan infrastruktur, memperluas akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran, serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat. Melalui inovasi kontemporari seperti ini juga wakaf tidak lagi dianggap sebagai sunnah yang hilang atau gergasi yang tidur apabila berjaya digerakkan secara kolektif dan bersepada demi menyemarakkan aktiviti berwakaf di seantero dunia Islam khasnya.

Kata kunci: inovasi wakaf kontemporari, wakaf korporat, wakaf saham, wakaf tunai, wakaf pendidikan.

PENDAHULUAN

Dari sudut terminologi wakaf berasal daripada perkataan Arab “*waqafa*” yang bermaksud berdiri tegak, tetapi yakni diam dan tidak bergerak-gerak (al-Marbawiy, 2008). Perkataan lain yang merujuk kepada wakaf ialah “*al-Habs*” bermaksud berhenti (al-Tarabilisy, 1902). Dari segi epistemologi wakaf ialah menahan harta dan memberikan manfaatnya pada jalan Allah (Sabiq, 1983). Wakaf menurut majoriti ulama pula bermaksud menahan harta yang boleh dimanfaatkan tanpa kurangan zatnya dengan memindahkan manfaat tersebut kepada transaksi berbentuk kebaikan untuk tujuan mendekat diri kepada Allah SWT (al-Zarqa, 1998).

Amalan berwakaf sudah tidak asing dikalangan umat Islam sejak awal penubuhan Masjid Quba oleh Rasulullah SAW kemudian diikuti oleh para sahabat dan umat Islam zaman berzaman. Namun terdapat perbezaan ketara antara amalan berwakaf dengan pelaksanaan di Barat. Masyarakat Barat mempraktikkan konsep wakaf dengan penjenamaan semula atas nama *charity*, yayasan, *trust*, *philanthropy* atau *endowment* seperti di University Oxford dan Cambridge di Britain serta Harvard dan Standford di Amerika Syarikat (Mustaffa & Muda, 2014; Hamdan & Mahamood, 2016; Bakhri, 2023).

Wakaf menurut sumber perundangan Islam mula disyariatkan pada tahun kedua Hijriyah, walaupun dari segi praktikalnya telah dimulakan oleh Nabi Muhammad SAW setibanya di Madinah al-Munawwarah menerusi pembinaan Masjid Quba sebagai masjid yang pertama dalam Islam (Hanna, 2018). Sejak itu para sahabat dan umat Islam mempraktikkan sunnah berwakaf. Diriwayatkan bahawa Saidina Umar mendapat bagian tanah di Khaibar, lalu dia bertanya; “Ya Rasulullah saya mendapat tanah di Khaibar, dan saya sama sekali belum pernah memiliki harta sebaik itu, maka apa yang engkau perintahkan untuk ku?”, Rasulullah menjawab : “Jika engkau mahu engkau tahan asalnya dan engkau sedekahkan manfaat darinya”, maka Umar mensedekahkan manfaat tanah tersebut dengan syarat tidak dijual, dihibahkan atau diwariskan. Manfaatnya diberikan kepada fakir miskin, kerabat, hamba, tetamu, dan ibnu sabil. Pengelola wakaf diperbolehkan makan bahagian darinya dengan cara yang baik atau makan dengan tanpa bermaksud memperkaya diri (Syaukani, 1993).

Wakaf untuk tujuan kebajikan (khairy) terbahagi kepada dua iaitu wakaf berbentuk am merangkumi apa jua dedikasi wakaf untuk khairat umum tanpa dikususkan kepada penerima


manfaat tertentu (Mahamood, 2007). Ini seperti pewakafan tanah kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang diuruskan untuk manfaat ummah secara umum. Manakala wakaf khas ialah wakaf yang manfaatnya telah dikhususkan oleh pewakaf untuk kegunaan tertentu seperti diniatkan untuk tanah perkuburan, pembinaan masjid, madrasah dan benefisiari terpilih (Don, 2019).

Kini pelbagai produk wakaf diperkenalkan seperti wakaf tunai, wakaf unit saham, saham wakaf untuk projek tertentu, wakaf korporat, wakaf untuk tujuan pendidikan dan perubatan, wakaf diri disamping wakaf tradisi untuk masjid, tanah perkuburan dan pembinaan madrasah. Walaubagaimanapun dalam kertas ini hanya beberapa produk wakaf yang dibincangkan iaitu pertama, wakaf saham yang bermaksud harta yang diperoleh atau dibangunkan daripada hasil jualan, saham, bon, sukuk atau surat cara lain bagi jaminan berharga (www.wakafselangor.gov.my). Kedua, wakaf korporat merujuk kepada penubuhan aset wakaf oleh syarikat atau perniagaan untuk menyumbang kepada pembangunan dan kebajikan masyarakat. Ia membolehkan syarikat korporat untuk menggerakkan sumber mereka, sama ada kewangan, aset fizikal, atau kepakaran, untuk manfaat yang lebih besar kepada masyarakat (awqaf.com.my). Manakala ketiga, wakaf pendidikan untuk sektor pendidikan yang melibatkan semua bentuk material berharga seperti harta, barang, aset atau tunai yang diinfakkan atas niat wakaf kepada institusi atau sektor yang berkaitan dengan pendidikan (bin Ariffin,2022).

PENGURUSAN WAKAF OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang ditubuhkan pada 1 Februari 1974 ialah sebuah Badan Berkanun di Malaysia yang menguruskan hal ehwal berkaitan agama Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Sebagai pemegang amanah tunggal wakaf, MAIWP menguruskan penerimaan sumbangan wakaf daripada orang ramai, mentadbir dan menjaga kelangsungan harta wakaf, memberi pendidikan dan kefahaman mengenai wakaf dan mempertingkatkan penghayatan berwakaf dikalangan masyarakat (www1.maiwp.gov.my). Rajah 1 berikut menunjukkan struktur pengurusan wakaf oleh MAIWP.


Rajah 1: Struktur Pengurusan Wakaf MAIWP



Sumber: Slide Lawatan Penyelidikan UiTM ke MAIWP pada 20 Feb. 2024

Sehingga kini pelbagai inisiatif untuk mengumpulkan dana dilakukan bagi membiayai projek-projek wakaf jangka panjang yang memberi manfaat kepada masyarakat. Ia meliputi bidang kesihatan, pendidikan, harta tanah, perumahan dan sosial kemasyarakatan. Rajah 2 berikut menunjukkan pelbagai produk wakaf di bawah pengurusan MAIWP.

Rajah 2: Produk Wakaf MAIWP



Sumber: Slide Lawatan Penyelidikan UiTM ke MAIWP pada 20 Feb. 2024


Namun begitu perbincangan di dalam kertas kerja ini hanya difokuskan kepada beberapa produk wakaf sahaja iaitu Wakaf Korporat Felda, Wakaf Unit Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan wakaf tunai untuk pendidikan.

WAKAF KORPORAT FELDA

FELDA adalah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) di Malaysia. Ia merupakan sebuah agensi kerajaan yang menguruskan penempatan semula penduduk luar bandar yang miskin ke kawasan-kawasan yang baharu dibangunkan untuk peningkatan taraf hidup peneroka. FELDA ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah peruntukan Akta Kemajuan Tanah 1956. Rancangan Felda yang pertama di buka ialah Felda Lurah Bilut pada 1 Julai 1956 dan terletak di Daerah Bentong, Pahang. Sehingga kini FELDA menguruskan ladang kelapa sawit terbesar di dunia, dengan lebih dari 800,000 hektar tanah miliknya terletak di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Indonesia (felda.gov.my).

Terkini FELDA mengorak langkah ke hadapan dengan memperkenalkan skim wakaf korporat Felda (WKF) yang diuruskan oleh Waqaf Felda iaitu Syarikat Berhad Menurut Jaminan (*Company Limited By Guarantee*) yang ditubuhkan pada 26 Mac 2021 di bawah Seksyen 45 Akta Syarikat 2016 dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Rajah 3 yang berikut menunjukkan Struktur pengurusan Wakaf Korporat Felda.


Rajah 3: Struktur Wakaf Korporat Felda



Sumber: Slide Lawatan Penyelidikan UiTM ke MAIWP pada 20 Feb. 2024

Berdasarkan Rajah 3 di atas Wakaf Korporat FELDA dianggotai oleh ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada FELDA, MAIWP dan ahli bebas. Dana wakaf dikumpulkan daripada komuniti FELDA kemudian dilaburkan untuk tujuan pengembangan dana wakaf. Pendapatan dan keuntungan daripada pelaburan tersebut dimanfaatkan secara umum untuk aktiviti pelaburan semula sebanyak 85% dan kos operasi sebanyak 15%. Secara terperinci pelaburan semula sebanyak 65%, aktiviti kebajikan sebanyak 30% meliputi agihan kepada masjid dan sekolah agama, bantuan kepada golongan memerlukan, bantuan pendidikan dan bantuan keusahawanan dan baki 5% disalurkan terus kepada MAIWP. Rajah 4 yang berikut menjelaskan pula mengenai sumber dana WKF.


Rajah 4: Sumber Dana Wakaf Korporat Felda



Sumber: Slide Lawatan Penyelidikan UiTM ke MAIWP pada 20 Feb. 2024

Berdasarkan Rajah 4, sumber dana WKF disumbangkan oleh Komuniti FELDA yang terdiri daripada syarikat FGV, MSM dan ENCORP; anak syarikat FELDA seperti FIC dan FTPSB; Koperasi di bawah FELDA seperti KPF, KPF2, FELKOP dan KOGUNA; NGO dan Badan Peneroka seperti KAF, MBFM, JKKR dan GPW serta individu penyumbang daripada kalangan peneroka Felda, kakitangan dan ahli keluarga mereka. Rajah 5 yang berikut menunjukkan jumlah wakaf terkumpul dan ahli yang terlibat dengan WKF.

Rajah 5: Jumlah Ahli & Dana Terkumpul



Sumber: Slide Lawatan Penyelidikan UiTM ke MAIWP pada 20 Feb. 2024

Berdasarkan Rajah 5 di atas sehingga 30 Jun 2023 sejumlah RM 29,775,405 juta dana wakaf telah berjaya dikumpulkan daripada orang perseorangan dan syarikat korporat dengan jumlah penyumbang/ahli seramai 37,431 ahli. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 8,657,079 disumbangkan oleh seramai 36,716 ahli, RM 19,602,878 daripada 715 ahli syarikat dan RM 1,515,448 yang sedang dalam permohonan. Rajah 6 yang berikut menunjukkan jumlah agihan manfaat WKF yang telah berjaya diagihkan.

Rajah 6: Jumlah Agihan Manfaat Wakaf



Sumber: Slide Lawatan Penyelidikan UiTM ke MAIWP pada 20 Feb. 2024


Berdasarkan Rajah 6, sejumlah RM 24,750.00 manfaat wakaf telah berjaya diagihkan kepada sektor-sektor yang telah ditetapkan sebagai benefisiari WKF. Secara terperinci sejumlah RM 15,300.00 telah diagihkan kepada Rumah Perantaraan HKL, kebajikan petugas dan individu daif; RM 8,950.00 diagihkan kepada sektor pendidikan meliputi sumbangan peralatan pembelajaran, sumbangan kelengkapan masjid dan dana projek mega masjid manakala bencana melibatkan sumbangan ilat anggota Pluton Waqaf Felda sebanyak RM 500.00

WAKAF UNIT AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD (ASNB)

Wakaf unit saham ASNB adalah produk wakaf saham yang diperkenalkan oleh Syarikat Permodalan Nasional Berhad iaitu sebuah Syarikat Berasaskan Kerajaan (*Government Linked-Company*) di Malaysia. Ia diuruskan oleh anak syarikat penuh milik PNB dikenali sebagai ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (AWSB). AWSB ditubuhkan pada 25 Januari 2021 dan dilantik sebagai Mutawalli oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk mengurus dan mentadbir dana wakaf ASNB. AWSB turut bertanggungjawab mengumpulkan unit amanah ASNB yang diwakafkan, melaksanakan pengagihan dana manfaat wakaf kepada pihak yang berkelayakan dan menyediakan laporan dan penyata tahunan ASWB.

Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan telah bersetuju memfatwakan struktur dan kaedah wakaf unit Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah selaras dengan hukum syarak (bharian.com.my). Melalui gabungan antara konsep wakaf dan aktiviti pelaburan, sumbangan wakaf saham dapat memastikan unit amanah yang diwakafkan bersifat kekal dan hanya dividendnya sahaja yang diagihkan kepada benefisiari ditetapkan. Dalam konteks ini pulangan daripada pelaburan akan disalurkan kepada projek wakaf berkepentingan negara untuk pembangunan masyarakat dan ummah sejagat. Rajah 7 yang berikut menjelaskan konsep wakaf saham ASWB.


Rajah 7: Konsep wakaf Unit Amanah ASNB



Sumber: Slide Lawatan Penyelidikan UiTM ke MAIWP pada 20 Feb. 2024

Berdasarkan Rajah 7, pelabur Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) mewakaf unit Amanah saham yang dilanggan kepada ASNB Wakalah Sdn Bhd yang bertanggungjawab mengekalkan unit saham yang diwakafkan serta mengembangkan dana tersebut melalui aktiviti pelaburan yang ditentukan. Keuntungan dividen pelaburan akan diagihkan kepada benefisiari wakaf iaitu ASNB sebagai bayaran yuran pentadbiran sebanyak 6.5% daripada dividen dan yuran perkhidmatan sebanyak RM15.00 daripada setiap pewakaf. MAIWP pula mendapat 5% dan selebihnya akan diagihkan kepada projek-projek wakaf yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP. Rajah 8 yang berikut menunjukkan carta alir pengurusan dana wakaf ASWB.

Rajah 8; Carta Alir Pengurusan Dana Wakaf ASNB



Sumber: <https://www.asnb.com.my/pdf/wakalah/AR%20Wakalah.pdf>

Berdasarkan Rajah 8 di atas, PNB selaku Pengurus Dana mengumpulkan semua sumbangan pewakaf daripada unit saham mereka mengikut tahun kewangan berakhir dalam satu tabungan yang kemudiannya dipegang oleh MAIWP sebagai Pemegang Amanah sekali gus *sole-trustee* wakaf di Wilayah Persekutuan. Kesemua dana tersebut akan dilaburkan dan dividen yang diperoleh daripada pelaburan itu akan diagihkan kepada ASNB Wakalah, MAIWP dan projek wakaf yang diluluskan.

Sehingga 30 November 2023 ASWB telah berjaya mengumpulkan sejumlah hampir RM 50 juta dana wakaf. Jadual 1 yang berikut menunjukkan prestasi sumbangan wakaf ASWB.

Jadual 1 : Prestasi Sumbangan Wakaf ASNB

Unit Amanah	Jumlah Pewakaf	Bilangan Transaksi	Unit Wakaf (Unit)	Jumlah Wakaf (RM)
ASB	12,701	14,460	38,502,312.05	38,502,312.05
ASB 2	556	827	2,570,678.37	2,570,678.37
ASB 3 Didik	188	331	1,796,098.46	1,796,098.46
ASM	63	70	163,291.33	163,291.33
ASM 2 Wawasan	350	512	3,059,130.81	3,059,130.81
ASM 3	187	268	2,841,984.24	2,841,984.24
ASN	75	110	1,177,940.17	700,877.37
ASN Equity 2	16	20	119,744.70	55,000.00
ASN Equity 3	5	7	8,393.36	7,000.00
ASN Equity 5	3	5	5,000.00	4,592.50
ASN Equity Global	4	8	12,000.00	11,581.70
ASN Imbang 1	1	6	28,453.54	26,000.00
ASN Imbang 2	10	12	20,102.04	18,000.00
ASN Imbang 3 Global	4	5	16,550.00	15,610.15
ASN Sara 1	16	18	38,984.51	42,159.40
ASN Sara 2	6	6	35,350.00	35,209.37
Total	14,185	16,665	50,396,013.59	49,849,525.75

Sumber: Slide Lawatan Penyelidikan UiTM ke MAIWP pada 20 Feb. 2024

Berdasarkan Jadual 1 di atas, sejumlah 14,185 individu telah mewakafkan saham milik mereka dengan jumlah tertinggi seramai 12,701 orang mewakafkan saham daripada unit ASB, 556 orang mewakafkan unit ASB 2, 188 pewakaf unit ASB 3 Didik, 63 pewakaf unit ASM, 350 pewakaf unit ASM 2 Wawasan, 187 pewakaf unit ASM 3, 75 pewakaf unit ASN, 16 pewakaf unit ASN Equity, 10 pewakaf unit ASN Imbang 2 dan 16 pewakaf unit ASN Sara 2. Manakala sejumlah 23 pewakaf masing mewakafkan unit ASN Equity 3, ASN Equity 5, ASN Equity Global, ASN Imbang 1, ASN Imbang 3 Global dan ASN Sara 2. Daripada jumlah itu sebanyak 50,396,013.59 unit saham telah diwakafkan dengan jumlah dana wakaf terkumpul sebanyak RM 49,849,525.75 juta.


WAKAF PENDIDIKAN

MAIWP turut terlibat memperkenalkan wakaf untuk pendidikan. Keharusan mengeluarkan wang tunai untuk tujuan wakaf pendidikan di Malaysia adalah berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 yang

bersidang pada 10-12 April 2007 memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dan dibenarkan untuk dilaksanakan bagi tujuan kebajikan dan kemaslahatan umat Islam termasuklah untuk tujuan pendidikan (<https://www.muftiwp.gov.my>).

Dalam konteks ini MAIWP menguruskan dana wakaf daripada beberapa buah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui MoU yang telah ditandatangani oleh MAIWP dan IPT terpilih. Rajah 9 yang berikut menunjukkan prestasi kutipan dana wakaf untuk pendidikan di bawah MAIWP.

Rajah 9: Prestasi Kutipan Dana Wakaf Pendidikan MAIWP



Berdasarkan Rajah 9 di atas terdapat 6 buah IPT yang terlibat dengan kutipan dana wakaf untuk pendidikan di bawah kawal selia MAIWP iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL), Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL), Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP Kuala Lumpur (UCMI) dan Kolej Poli-Tech MARA Kuala Lumpur (KPTM). Sejumlah RM 4,905,071.59 juta dana wakaf pendidikan telah dikumpulkan setakat tahun 2023. Daripada jumlah tersebut pihak UM mengumpulkan RM 130,643.88, UPNM RM 450,991.44, UTMKL RM 216,970.22, KPBKL RM 30,238.65, KPTM RM 107,943.93 setakat tahun 2023 dan UCMI RM 264,079.57 setakat 2022.

PERBINCANGAN

MAIWP adalah pemegang amanah tunggal wakaf di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Seksyen 61, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) menyatakan;

“Walau apa pun apa-apa peruntukan yang bertentangan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisyntiharanyang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazr ‘am, dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak”

Ternyata pewujudan peruntukan seperti ini penting bagi memastikan pengurusan harta wakaf bebas daripada sebarang bentuk penyelewengan dan salah guna kuasa oleh pentadbir wakaf. Ketetapan MAIWP sebagai pemegang amanah tunggal wakaf adalah platform untuk mengelakkan perubahan dari aspek kekekalan harta wakaf dan penyelarasannya hukum kerana ia berteraskan hukum syarak. Peruntukan ini juga perlu agar pengurusan wakaf dapat diselaraskan bagi memastikan pewakaf ganjaran jariah yang berterusan tanpa sebarang keraguan. Pada masa yang sama MAIWP boleh menyerahkan kuasa pentadbiran dan pengurusan harta kepada mana-mana pihak yang berminat untuk memajukannya (www.utusan.com.my).

Pengenalan Wakaf Korporat Felda, Wakaf ASNB dan skim wakaf pendidikan membuktikan bagaimana MAIWP berjaya menjalin *smart partnership* bersama pihak korporat dan institusi pendidikan untuk menyemarakkan lagi amalan berwakaf. Impaknya pelbagai inovasi wakaf kontemporari mula mendapat sambutan dikalangan masyarakat sekaligus membuka ruang yang seluas-luasnya kepada pelbagai pihak untuk berwakaf.

Wakaf Korporat Felda misalnya berjaya mengumpulkan hampir RM30 juta sejak ditubuhkan pada tahun 2021 dengan melibatkan lebih daripada 37 ribu pewakaf yang berdaftar. Begitu juga jumlah wakaf ASNB meningkat sebanyak RM49 juta dengan lebih daripada 14,000 ribu pewakaf. Pengenalan skim wakaf pendidikan di Wilayah Persekutuan juga menarik untuk dibincangkan memandangkan sejumlah RM6 juta berjaya dikumpulkan oleh 6 buah IPT yang terlibat.

Wakaf Amanah Saham juga adalah sesuatu yang baharu dan masih banyak potensi yang boleh dikembangkan. Malah terdapat risiko-risiko pelaburan yang perlu diketahui oleh pewakaf bagi memastikan ain wakaf iaitu saham yang diwakafkan kekal dan manfaatnya berterusan. Ini seperti risiko ketidaktentuan pasaran yang berkaitan secara langsung dengan pasaran saham sehingga memberi kesan kepada pulangan daripada pelaburan wakaf yang boleh berubah-ubah dari semasa ke semasa. Ditambah lagi dengan risiko perubahan ekonomi negara yang berkaitan dengan kadar inflasi atau kemelesetan ekonomi yang juga memberi kesan kepada prestasi pelaburan saham yang diwakafkan (www.asnb.com.my). Hal ini pastinya menjadi cabaran kepada pihak pengurusan wakaf yang bertanggungjawab penuh untuk memastikan aspek kekekalan ain wakaf hingga menjadi jariah berpanjangan buat pewakaf.

Dalam konteks wakaf pendidikan pula, hampir MAIN telah menjalin kerjasama strategik untuk melantik institusi pengajian tinggi sebagai Nazir Khas atau Mutawalli untuk mengumpulkan dana wakaf & mengagihkannya kepada benefesiari yang ditetapkan. Namun begitu beberapa aspek berkaitan perolehan sumber wakaf untuk pendidikan masih perlu diteliti. Ramai yang masih melihat wakaf dalam bentuk tradisi sehingga menyebabkan dana yang terkumpul tidak mencukupi untuk membayai keperluan pelajar dan universiti secara amnya. Malah antara aspek yang perlu dititikberatkan adalah pengagihan semula manfaat wakaf kepada golongan sasar yang perlu dilakukan dengan komitmen bersungguh-sungguh agar menjadi tarikan untuk lebih ramai warga universiti menyumbang kepada dana wakaf ilmu sekaligus menterjemahkan niat pewakaf untuk memperoleh pahala sedekah jariah yang berterusan.

Menurut Saufi et al., (2021) perkembangan projek-projek dan produk-produk wakaf yang telah diperkenalkan oleh institusi wakaf secara langsung dapat memberi keyakinan dan kepercayaan kepada masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia. Malahan penyumbang wakaf masa kini juga sudah matang dan tidak hanya terhad menyumbang untuk wakaf tradisional sahaja. Justeru tidak hairan jika inovasi produk wakaf kontemporari yang diperkenalkan oleh MAIWP mampu berkembang dengan jumlah dana yang meningkat dan agihan yang memberi manfaat kepada masyarakat.

KESIMPULAN

Pengenalan pelbagai produk wakaf kontemporari oleh MAIWP signifikan dengan kehendak masyarakat penyumbang pada masa kini. Disamping mereka terlibat menjana pendapatan dan mengumpulkan kekayaan melalui aktiviti perniagaan dan pembelian saham golongan ini juga dapat beribadah serta beroleh ganjaran pahala jariah yang berkekalan. Sehubungan dengan itu, setiap MAIN perlu bertindak proaktif untuk menjalin hubungan strategik dengan pihak korporat dan konglomerat Muslim untuk menyemarakkan semula aktiviti berwakaf yang pernah subur di dunia Islam suatu ketika dahulu. Dalam masa yang sama perancangan strategik sangat diperlukan dalam mengurus dan membangun wakaf bagi mengelak terbengkalai, tidak dapat dimanfaatkan dan berhadapan dengan risiko kerugian(Muhammad et al., 2020).

Pihak pentadbir wakaf di dalam dan luar negara juga boleh mencontohi model wakaf korporat, wakaf amanah sahama dan wakaf untuk tujuan pendidikan yang dilaksanakan oleh MAIWP sebagai inisiatif untuk menyemarakkan lagi amalan berwakaf melalui produk-produk wakaf kontemporari. Ini dapat membangunkan semula potensi wakaf sebagai sumber ekonomi ketiga dan kekuatan ummah yang menurut sejarah terbukti berjaya memenuhi setiap keperluan manusia termasuk haiwan dan alam sekitar.

Begini juga, kajian dan penulisan mengenai inovasi wakaf perlu diperbanyakkan sebagai rujukan kepada pengkaji bidang wakaf sekaligus memberi input dalam bentuk model pelaksanaan kepada pihak yang berkepentingan untuk merangka dan mencetuskan lebih banyak lagi produk wakaf kontemporari pada masa depan.

PENGAKUAN

Kertas kerja ini adalah hasil penyelidikan Geran *Strategic Research Partnership* antara pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA Kampus Pasir Gudang, Johor Malaysia bersama Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Islam Sultan Syarif Ali (UNISSA) Brunei Darussalam. Tajuk projek Pengurusan Wakaf untuk Pendidikan oleh MAIN di Malaysia; Isu dan Cabaran. Kod Projek 100-RMC 5/3/SRP (086/2021). Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan khususnya Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah, semua unit wakaf MAIN di Semenanjung Malaysia, pihak RMC UiTM dan UiTM Cawangan Johor juga semua rakan penyelidik daripada UiTM Kampus Pasir Gudang dan UNISSA yang telah memberi idea, berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

RUJUKAN

Akta 505. https://muftiwp.gov.my/images/archive/akta_pekeliling/Akta_505-pentadbiran_undang_islam_1993.pdf. Dirujuk pada 15 April 2024.

Al-Marbawiy, Muhammad Idris Abdul Rauf. (2008). Kamus Idris al-Marbawiy Arabiy-Melayu. Kuala Lumpur, Darul a-Fikir.

Al-Tarabilisy, B. I. B. M. (1902). bin Abi Bakar ibn Ali al-Hanafi. al-Is'āf fi Ahkām al-Waqf. Mesir: Matba'ah al-Hindiyyah.

Al-Zarqa, M. A. (1998). Ahkam al-Awqaf. Dar Ammar, Amman, Jordan.

Bakhri, S., Johari, F., & Rahim, H. B. (2023). Productive Waqf Development In Improving Islamic Boarding School Independent Economics. *Tasharruf: Journal of Islamic Economics and Business*, 4(1), 1-13.

bin Ariffin, M. F. N. (2022). Sinergi Wakaf, Pendidikan dan Teknologi di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 7(2), 43-53.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/751934/wakaf-unit-asnb-selaras-hukum-syarak?akakkja98879ajkla>. Dirujuk pada 3 Oktober 2024.

Don, M. A. M. (2019). Teori wakaf, kepelbagaiannya dan contoh amalan di Malaysia. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 20, 24-39.

Hamdan, S. U. A., & Mahamood, S. M. (2016). Aplikasi Prinsip Berkekalan Wakaf Di Institusi Pengajian Tinggi Terpilih: PERSPEKTIF PERUNDANGAN. *Journal of Shariah Law Research*, 1(2).

Hanna, S. (2018). Wakaf Saham Dalam Perspektif Hukum Islam. *Mizan: Journal of Islamic Law*, 3(1).

Mahamood, S. M. (2007). Pembentukan dana wakaf menurut perspektif syariah dan undang-undang serta aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 15(2), 61-83.

MAIN sebagai pemegang amanah tunggal wakaf.
<http://www.utusan.com.my/mega/agama/perlukah-pemegang-amanah-tunggal-wakaf-1.773334#ixzz5VZd76YZV>. Dirujuk pada 21 April 2024.

Mengenai FELDA. <https://www.felda.gov.my/umum/felda/mengenai-felda>. Dirujuk pada 10 April 2024.

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3553-bayan-linnas-siri-ke-191-wakaf-pendidikan-dan-manfaatnya>. Dirujuk pada 3 Oktober 2024.

Muhammad Ikhlas Rosele, Mohamad Zaim Isamail & Mohd Farhan Md Ariffin. (2020). INOVASI PEMBANGUNAN WAKAF DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN. In Nadhirah Nordin, Sumayyah Abdul Aziz, Mahadi Mohammad. Kewangan dan Pengurusan Harta Dalam Masyarakat Islam Kontemporari, pp. 233-256. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin

Mustaffa, N., & Muda, M. Z. (2014). Pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia: Satu sorotan literatur. International Journal of Management Studies, 21(2), 63-81.

Produk wakaf. <https://www.wakafselangor.gov.my/produk/wakaf/>. Dirujuk pada 17 April 2024.

Sabiq, S. (1983). Fiqh al-Sunnah, juz II. Beirut: Dar al-Fikr.

Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Ghani, H. A., & Noor, S. (2021). Kajian Terhadap Kepercayaan Masyarakat Terhadap Institusi Pengurusan Waqaf di Malaysia. RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge, 2(2), 83-96.

Syaukani, Muhammad bin Ali. (1993). Nail al-Awtar Syarah Muntaqa al-Akhbar min Ahadis Sayyid al-Akhyar. Mesir, Mustafa al-Babiy al-Halabiy.

Wakaf Korporat. <https://www.majalahlabur.com/pelaburan/potensi-wakaf-korporat-di-malaysia/>. Dirujuk pada 17 April 2024.